

FAKTOR PENGETAHUAN AMALAN BATAS AURAT DAN PERGAULAN REMAJA PEREMPUAN SMK TITINGAN TAWAU SABAH

(Factor of Knowledge and Practice on Aurat and Female Adolescent Intercommunication Limit at SMK Titingan Tawau Sabah)

¹ NUR 'IZZAH JAINUDIN*

^{1, 2} A'DAWIYAH ISMAIL*

¹ Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Gejala sosial berkait rapat dengan masalah penjagaan batas aurat dan pergaulan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor yang mendorong pengetahuan dan pengamalan batas aurat dan pergaulan remaja perempuan di SMK Titingan Tawau Sabah. Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan. Kajian ini melibatkan remaja perempuan yang berumur 13, 14 dan 16 tahun. Pengumpulan data melalui instrumen borang soal selidik dan diproses menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22*. Data dianalisis secara statistik deskriptif dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian faktor pengetahuan dan pengamalan batas aurat dan pergaulan remaja perempuan SMK Titingan Tawau Sabah menunjukkan, faktor guru dan ibu bapa/penjaga adalah tinggi berbanding faktor diri sendiri dan rakan berdasarkan min item faktor tertentu. Kajian ini mencadangkan agar pihak guru, ibu bapa/penjaga dan pihak berwajib memberi perhatian kepada kerohanian diri remaja dalam membina akidah yang mantap, serta keperibadian remaja muslim cemerlang kerana faktor diri sendiri adalah faktor penting dalam menjaga batas aurat dan pergaulan.

Kata Kunci: Aurat; pergaulan; remaja; pengetahuan; pengamalan

*Corresponding author: Nur Iz Zah Jainudin /Adawiyah Ismail, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia/ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia mel-e: rabitahqalbiellah01@gmail.com/ada@ukm.edu.my

Diserahkan: 23 Mei 2016

Diterima: 4 Januari 2018

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2018-1002-01>

ABSTRACT

The influence of social problems is very much associated with the problems of taking care on aurat and intercommunication according to Islam as well as it gives impact on the lives of adolescents. This study attempts to analyse the factors that motivate knowledge and practice on aurat and female adolescent intercommunication limit at SMK Titingan, Tawau, Sabah. The design of this study is quantitative in the form of survey on female adolescents aged 13, 14 and 16. Data collection is through the instrument of questionnaire and processed through Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22. Data analysis is done through descriptive statistical analysis in terms of frequency, percentage and mean. The results show that teachers and parents/guardians are high compared to their own factors and friends based on the mean factor and certain factors. The development of positive theory and practice in a continuous way should be formed through education of faith by the parents, teachers and authorities so that it can lead adolescents to form the personality of real Muslims although the own factors is more important to care on aurat and intercommunication according to Islam.

Keywords: Aurat; intercommunication; adolescent; knowledge; practice

PENGENALAN

Islam menetapkan panduan hidup yang mementingkan kesejahteraan masyarakat sebagai suatu amalan yang sihat dan dituntut. Menurut Abu A'la Maududi (1985), Islam meletakkan prinsip dan kaedah-kaedah asas dari sudut sosial dan adab berdasarkan panduan al-Quran dan al-Sunnah. Salah satu prinsip dan kaedah yang ditetapkan adalah berkaitan pemakaian dan pergaulan yang menjaga keperibadian diri khususnya kepada wanita.

Konsep aurat adalah jelas berasaskan pengertian-pengertian menurut al-Quran dan al-Sunnah yang membawa maksud bahagian tubuh yang perlu ditutup dan tidak boleh dilihat oleh orang lain (Paizah 2004). Antara kriteria yang menepati syarat pemakaian wanita muslimah ialah pakaian yang tidak mendedahkan bentuk tubuh, tidak menampakkan warna kulit, longgar serta jauh daripada perasaan bermegah dengan pakaian yang dipakai (Jawiah 2000). Menutup aurat adalah salah satu bentuk perlindungan kepada wanita yang perlu seiring dengan pendidikan, kelakuan yang beradab serta mengawal diri bagi mendapatkan perlindungan yang terbaik (Fatimah 2010). Pergaulan menurut Islam adalah satu komunikasi berlandaskan al-Quran antara lelaki dan perempuan yang berbeza jantina. Percampuran antara lelaki dan perempuan yang mendedahkan mereka antara satu sama lain dikenali sebagai *ikhtilat*

(Sofiah 2013). Pengertian *ikhtilat* membawa maksud kepada berdua-duaan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram di tempat terbuka yang berkemungkinan akan terjadinya suatu hubungan antara keduanya sama ada dengan pandangan, isyarat ataupun perkataan (Nur Syahidah 2012). Manakala bersunyi-sunyian dengan yang bukan mahram ditakrifkan sebagai khalwat yang merupakan salah satu perbuatan maksiat, kerana berdua-duaan di tempat yang tersembunyi antara lelaki dan perempuan bukan mahram dianggap satu perbuatan sumbang. Perbuatan ini boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral (Noor Ashikin 2013).

Asas pendidikan Islam menerapkan pengisian rohani kepada jiwa manusia seperti memahami ucapan dua kalimah syahadah, rukun Islam, rukun Iman, bersuci, amalan-amalan ibadah, kefarduan, adab, perkahwinan dan ihsan amat penting dalam kehidupan (Johari 1995). Pengetahuan agama Islam ditekankan bermula daripada pendidikan awal lagi. Menurut Azzyati (2014), tahap keimanan dan tingkah laku yang negatif mempunyai hubungan antara satu sama lain. Kecenderungan dalam mengamalkan agama berkait rapat dengan akhlak seseorang.

Realiti hari ini menunjukkan masalah sosial kian meningkat sehingga mempengaruhi anak-anak remaja (Harian Metro 2015). Justeru, batas aurat dan pergaulan menjadi tanggungjawab individu dan perlu diberi perhatian dalam kehidupan khususnya wanita. Penjagaan aurat yang baik serta amalan pergaulan menurut Islam secara berterusan membentuk sebuah *bicah* dan budaya muslim yang cemerlang. Hal ini membantu pembentukan sebuah generasi yang bertamadun.

KAJIAN LITERATUR

Masalah sosial dalam kalangan remaja seperti kes zina, remaja lari dari rumah, rogol, anak tak sah taraf dan seumpamanya menyentuh tentang tanggungjawab masyarakat dan individu muslim dalam mengembalikan masa depan generasi yang bertamadun.

Kadar gejala sosial yang berlaku hari ini sangat tinggi hingga ke pelosok tanah air. Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga mengeluarkan statistik pada 2010 yang menunjukkan kes remaja lari dari rumah meningkat sebanyak 4,097. Remaja yang terlibat dengan kegiatan ini adalah seawal usia 13 hingga 17 tahun. Statistik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mencatatkan 81,000 anak luar nikah didaftarkan sehingga 2011. Manakala kajian penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) pula mendapati 300 remaja Melayu berusia 13 hingga 25 tahun terbabit dengan salah laku seksual dan seks bebas. Turut dinyatakan, 85 peratus daripada mereka tidak menyesal, malu atau takut melakukan perbuatan tersebut, malah mereka menyifatkan pengalaman berkenaan sebagai menyeronokkan. Pada 2013,

statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan berbanding pada 2012 hanya 3,700 kes iaitu peningkatan sebanyak 4,116 kes (Harian Metro 2015). Dalam satu kajian berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi rogol dan zina, faktor pergaulan bebas merupakan faktor utama yang mempengaruhi masalah rogol dan zina. Hasil daripada kajian tersebut mendapati 72.2% terdiri daripada mereka yang suka bergaul bebas. Ini menunjukkan, batas pergaulan di antara lelaki dan wanita merupakan salah satu perkara penting yang perlu ditekankan dalam kehidupan agar terhindar daripada kerosakan di muka bumi serta jauh daripada kejadian nafsu manusia yang disebabkan kurangnya iman di dalam diri (Hashim 2002). Menurut Mohd Reduan (1990), 47% kes rogol yang berlaku adalah dilakukan oleh orang yang dikenali atau rakan mereka sendiri. Kekasih juga tidak boleh dipercayai sepenuhnya kerana potensi dan kajian menunjukkan 7% adalah dilakukan oleh kekasih. Selain daripada itu, antara faktor yang menyebabkan kejadian rogol adalah disebabkan oleh suasana yang dicetuskan oleh mangsa itu sendiri iaitu wanita. Beliau menyebut, pergaulan bebas tanpa batasan dalam majlis tari menari, diskò dan kelab malam adalah antara suasana yang menghairahkan dan menaikkan syahwat yang mungkin menjadi faktor penyebab kepada terjadinya kejadian rogol (Mohd Reduan 1990).

Dalam kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka mendapati bahawa faktor utama yang mempengaruhi masalah sosial remaja di sekolah tersebut adalah berpunca daripada faktor diri sendiri berbanding pengaruh rakan sebaya dan permasalahan persekitaran sekolah. Menurut kajian tersebut, remaja memerlukan aktiviti dan mencari sesuatu perkara yang baru, inginkan kebebasan dan perhatian dalam setiap perkara, wujud dalam diri mereka dan ia merupakan aspek yang membawa kepada faktor diri sendiri yang mempengaruhi masalah sosial (Zainudin Sharif & Norasmah Mohd Roslan 2011). Menurut Nur Syahidah (2012), berdasarkan ringkasan maklumat kajian beliau terhadap pesakit yang dikategorikan sebagai ibu tanpa nikah menunjukkan terdapat kes kehamilan berpunca daripada hubungan di luar batasan dengan teman lelaki dan ditambah pula dengan kesan menonton VCD lucu yang dimiliki oleh ahli keluarga. Dalam konteks kajian beliau, para remaja tidak faham dengan hukum hakam agama dan adab pergaulan dengan teman lelaki berdasarkan kes bersekedudukan. Selain daripada itu, mereka juga kebanyakannya mempunyai latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah.

Pada November 2014, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Datuk Jainab Ahmad berkata secara purata 1,500 kes remaja hamil setiap bulan mendapatkan perkhidmatan di fasiliti Kementerian Kesihatan seluruh negara dan 25% daripadanya adalah remaja hamil yang tidak berkahwin. Menurut beliau lagi, dalam laporan data Kementerian Kesihatan, kadar HIV dalam kalangan

remaja berusia 13 hingga 19 tahun turut meningkat dalam tahun 2012 di seluruh negara. Jabatan Pendaftaran Negara pula merekodkan peningkatan kelahiran anak tidak sah taraf melibatkan ibu berusia 20 tahun. Manakala Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula melaporkan terdapat peningkatan dalam kes rogol dan kes pembuangan bayi yang melibatkan suspek remaja kurang dari 18 tahun (Sitti 2014).

Pengetahuan batas aurat dan pergaulan menurut Islam wajib dihayati melalui pengamalan dalam kehidupan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nur 24: 31 yang bermaksud "Katakanlah kepada wanita-wanita beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang biasa nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudungnya (ke dadanya)". Ayat di atas merupakan satu perintah dalam usaha membangunkan masyarakat yang bersih dengan cara menghalang faktor-faktor yang merangsang dan membangkitkan keinginan manusia dan mengekalkan keinginan seks semula jadi yang mendalam di antara lelaki dan perempuan tanpa dirangsang secara tarikan serta menyalurkan fitrah pada tempat yang betul, selamat dan bersih (Sayyid Qutb 2000). Perintah Allah SWT di dalam surah al-Nur 24: 31 di atas menerangkan kepada wanita yang beriman kepada Allah agar menahan pandangan, memelihara kemaluhan serta tidak menampakkan perhiasan kecuali yang biasa nampak serta menutup dada mereka dengan kain tudung dan di larang menampakkan perhiasan kecuali yang biasa terlihat kecuali kepada mahram mereka dan wanita sesama muslim. Selain itu, Allah juga menegaskan kepada wanita yang beriman agar tidak sengaja menarik perhatian sehingga diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan dan jika wanita yang beriman melakukannya, maka taubat itu lebih baik agar termasuk dalam golongan yang beruntung sebagaimana firman Allah SWT dan surah al-Nur 24: 31 yang bermaksud "Dan janganlah mereka menghentakkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu semua kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman agar kamu beruntung."

Pensyariatan yang diturunkan Allah dalam al-Quran menutup segala jalan nafsu yang memudharatkan. Maka, jalan yang berpandukan al-Quran memberi kesedaran dan menambah ketakwaan kepada Allah dalam usaha menghadapi nafsu keinginan tabie yang mendalam dan tidak dapat dikawal. Dalam firman Allah SWT surah al-Isra' 17:32 yang bermaksud "Dan janganlah kamu semua menghampiri zina. Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu perbuatan yang membawa kerosakan". Perintah Allah SWT di dalam surah al-Isra' 17: 32 di atas menerangkan kepada masyarakat muslim agar tidak menghampiri zina kerana perbuatan zina adalah satu perbuatan yang keji serta satu perbuatan yang membawa kepada kerosakan seperti mana yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia seperti kes pembuangan bayi, mengandung anak tak sah taraf, khilwat,

kesan gejala sosial terhadap remaja dan seumpamanya. Pernyataan ini bertepatan dengan tafsiran Sayyid Qutb (2000) bahawa ayat di atas sebagai satu amaran jangan mendekati sebab-sebab yang membawa kepada perzinaan. Islam menyekat jalan ke arah zina untuk menjaga seseorang agar tidak terjerumus ke dalam kemaksiatan. Oleh itu, ulama menegaskan agar lelaki dan perempuan tidak bergaul secara bebas, mengharamkan khalwat dan bersolek secara berlebihan namun menggalakkan perkahwinan kepada yang mampu dan berpuasa kepada yang tidak mampu.

Dalam firman Allah SWT, surah al-A'raf 7: 20 yang bermaksud "Maka syaitan membisikkan fikiran jahat kepada kedua-duanya untuk menampakkan kepada kedua-duanya yang tertutup daripada mereka iaitu auratnya". Sayyid Qutb (2000) menjelaskan ayat di atas merupakan panduan kepada manusia agar mengetahui hakikat syaitan mendorong manusia ke arah kejahatan mulai dari titik-titik kelemahan semulajadi manusia sehingga menggoda mereka dari saluran keinginan nafsu manusia yang mendalam. Tuntutan menutup aurat kepada individu muslimah membawa kepada perbezaan di antara yang muslim dan bukan muslim. Wanita muslim yang beramal dengan amalan Islam dikenali dengan wanita yang suci dan bermaruah, mempunyai rasa hormat yang tinggi dan merendah diri. Manakala, wanita yang jahil lebih kepada suka menarik perhatian lelaki, bermegah-megah termasuklah mendedahkan anggota tubuh badan, menunjukkan perhiasan, menampakkan bentuk badan dan seumpamanya (Afzalur Rahman 1994).

Dalam permasalahan kajian ini, timbul persoalan kepada bagaimanakah pengetahuan dan pengamalan batas aurat dan pergaulan menurut Islam mempengaruhi remaja perempuan SMK Titingan Tawau Sabah. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis faktor-faktor yang mendorong remaja perempuan SMK Titingan mengetahui dan mengamalkan batas aurat dan pergaulan dalam kehidupan.

Kajian-kajian lepas pada umumnya memperoleh penulisan kesarjanaan yang membincangkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja seperti kes zina, melahirkan anak tidak sah taraf, pembuangan bayi dan rogol. Realiti sebenar umat Islam masih terbelenggu dengan isu-isu yang masih belum diselesaikan sehingga kini termasuklah masyarakat yang terlibat dengan gejala sosial yang negatif, masyarakat yang sukakan hiburan secara keterlaluan yang mendorong kepada keruntuhan adab dan akhlak insan, umat Islam yang terlibat dengan gejala maksiat, jenayah dan seumpamanya (Mohd Yusof 2008).

Dalam satu kajian perlakuan rogol dan zina dari segi sosiologi dan psikologi, pendekatan Islam menangani kes tersebut telah diaplikasikan di penjara Kajang

dengan cara mengetengahkan faktor-faktor yang membawa kepada terjadinya perlakuan rogol dan zina dalam kalangan masyarakat Malaysia. Objektif kajian tersebut adalah memahami undang-undang dan pandangan Islam tentang rogol dan zina, mengetahui punca-punca berlakunya rogol dan zina dalam kalangan masyarakat, mengetahui luahan dan sebab banduan terdorong melakukan rogol dan zina khususnya masyarakat Islam dan mengetahui cara-cara yang terbaik menangani permasalahan tersebut. Menurut kajian, antara penyelesaian jenayah rogol dan zina menurut Islam adalah melalui pengamalan Syariah Islamiah dalam kehidupan harian yang menekankan kepercayaan dan takut kepada Allah SWT. Selain itu, pendidikan akidah, latihan dengan didikan dan akhlak juga memainkan peranan penting bagi memastikan diri dipimpin oleh iman dan takwa yang baik. Tarikan wanita dan peranan wanita amat besar dalam kehidupan masyarakat. Jika baik pembawaan diri seseorang wanita dalam institusi masyarakat, maka baiklah generasi masyarakat tersebut (Hashim 2002).

Kajian kes dari tahun 2000 hingga 2004 dalam kajian jenayah rogol terhadap kanak-kanak menurut perspektif Islam dan undang-undang ciptaan menyatakan antara faktor berlakunya jenayah rogol terhadap kanak-kanak di Malaysia adalah berpunca daripada faktor pergaulan bebas dan faktor pakaian sebahagian masyarakat wanita yang menjolok mata. Menurut (Ummi Ridha 2005), pergaulan bebas merupakan antara faktor utama penyebab berlakunya jenayah rogol melibatkan remaja. Tambahannya lagi, hal ini telah diperakui sendiri oleh seorang banduan bahawa remaja dan kanak-kanak yang mengamalkan gaya hidup bebas dan keluar rumah sehingga lewat malam tanpa pengawasan ibu bapa adalah faktor utama berlakunya jenayah rogol golongan remaja dan kanak-kanak. Terdapat juga banduan yang bersalah melakukan jenayah beberapa wanita menceritakan bahawa salah satu faktor utama dia melakukan jenayah rogol adalah tarikan wanita yang berpakaian menjolok mata. Hal ini jelas menunjukkan, pergaulan bebas dan penjagaan aurat yang baik perlu ditekankan dalam kehidupan manusia dari awal pendidikan lagi.

Amaludin (2005) telah mengkaji berkenaan keperluan perlaksanaan kaunseling Islam dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja di pusat pemuliharan akhlak di Malaysia. Kajian ini mengemukakan tentang masalah sosial dalam kalangan remaja dan faktor yang mempengaruhi remaja terhadap masalah sosial. Amaludin menyatakan antara masalah sosial yang sering diperkatakan dan lumrah dalam kalangan remaja adalah berkaitan salah laku jenayah, salah laku seksual, pelacuran, rogol, mengandung luar nikah, penyalahgunaan dadah, HIV/AIDS dan sebagainya. Pengetahuan agama yang menyentuh batas aurat dan pergaulan amat penting kepada remaja bagi memimpin hidup mereka dengan baik. Kurangnya didikan agama menyebabkan remaja mudah untuk terjerumus kepada perbuatan yang tidak bermoral kesan daripada kekosongan jiwa daripada didikan agama dan jahil

dalam memiliki prinsip hidup. Penghayatan agama amat penting dalam kehidupan remaja, kelemahan remaja dalam asas agama menyebabkan mereka tenggelam punca dan mudah menyerap unsur-unsur negatif yang menular dalam budaya masyarakat. Salah satu punca masalah sosial yang disepakati dalam beberapa kajian terhadap masalah sosial adalah daripada pergauluan yang bebas. Faktor pergauluan bebas tanpa kawalan ibu bapa menyebabkan remaja terlibat dengan gejala sosial.

Laporan temuduga Kesatuan Sekerja Bayan Lepas, Pulau Pinang dalam kalangan 130 orang 5 pekerja kilang wanita, 80% daripada mereka mengaku mengalami gangguan seksual tanpa mengira umur, rupa fizikal, taraf pendidikan dan taraf perkahwinan (Zaiton 1990). Dalam penemuan kajian oleh pengkaji lepas, faktor personaliti mempunyai hubung kait dengan gangguan seksual. Seperti dalam kajian Crow (1995) telah menghubungkan personaliti dengan kepekaan terhadap gangguan seksual. Menurut kajian tersebut, faktor personaliti dapat memandu seseorang individu untuk peka kepada pelbagai jenis gangguan seksual dalam sesuatu keadaan. Harga diri yang tinggi didapati lebih mengambil respon terus kepada pelaku-pelaku seperti berhadapan dengan mereka untuk menyatakan ketidakselesaan mereka dengan gangguan seksual (Gruber & Bjorn 1986). Perkara ini menunjukkan personaliti yang menunjukkan lebih yakin kepada diri sendiri boleh mengelakkan dirinya daripada menjadi mangsa gangguan seksual (Mona Amin Kalhor 2000).

Dalam kajian Asjad (2003), penggunaan hukum fikah *Sad al-Dharai^c* dalam kehidupan adalah salah satu cara mencegah berlakunya kemudharatan seperti jenayah zina dalam masyarakat. Kajian beliau menerangkan perkaitan penggunaan fikah *Sad al-Dharai^c* dalam masalah seperti jenayah zina. Kajian ini bertujuan untuk membawa pengetahuan berkaitan kekuatan ilmu *Fiqh Islami* dalam menyelesaikan masalah-masalah pecahan yang timbul kesan daripada peredaran zaman dan perubahan cara hidup atau adat istiadat masyarakat jahiliah. Selain itu, kajian ini juga adalah sebagai penjelasan kepada masyarakat terdapat beberapa kaedah am dalam syariat Islam yang dihasilkan oleh para fuqaha iaitu *Sad al-Dharai^c* berdasarkan kepada sumber-sumber asas yang disepakati. Kaedah ini digunakan sebagai usaha meletakkan hukum bagi sesuatu masalah. Kajian ini juga mendedahkan kepada masyarakat jalan yang boleh membawa kepada perzinaan dan cara menanganinya agar jenayah zina dapat dibendung daripada terus merebak dalam kalangan masyarakat. Dalam skop contoh penggunaan hukum fikah *Sad al-Dharai^c* yang dibawa oleh penulis adalah seperti pengharaman melihat perkara haram, pengharaman berhias ke atas wanita, pengharaman bertabarruj ke atas wanita yang membawa maksud kecantikan dan perhiasan yang sepatutnya disembunyikan oleh wanita kepada yang bukan suami atau mahramnya dan larangan percampuran antara lelaki dan wanita serta pembatalan beberapa jenis akad nikah. Kajian tersebut juga dapat membuka minda

pentingnya penjagaan aurat serta pergaulan dalam masyarakat terutamanya dalam membawa kembali penggunaan hukum tersebut di masa sekarang.

Kajian tentang kedudukan wanita menurut fikah dan undang-undang Islam telah dikaji oleh Sharifah Khadijah (2002). Kajian tersebut bertujuan mengenal pasti kedudukan wanita menurut fikah dan undang-undang Malaysia, mencari hubungan di antara kedudukan wanita dalam fikah dan undang-undang Malaysia, mengukur perbezaan kedudukan wanita yang terdapat di dalam fikah dan undang-undang Malaysia dan menilai dan menjelaskan taraf serta kedudukan wanita seperti yang diperuntukkan di dalam fikah dan undang-undang Malaysia. Dapatkan kajian yang dibawa oleh beliau adalah mengenai perbezaan di antara wanita menurut Islam dan undang-undang Malaysia iaitu aspek bidang undang-undang keluarga, bidang sosial dan bidang politik. Antara kenyataan perbezaan fikah dan undang-undang Malaysia yang dibawa dalam kajian beliau adalah mengenai hak kepada wanita. Dalam bidang sosial, Islam lebih menggariskan dan mengutamakan adab-adab dan peraturan mengenainya seperti menjaga aurat, menjaga batas pergaulan, harus aman dari segala fitnah, bersesuaian dengan fitrah wanita, tidak mengabaikan rumah tangga, dan mendapat izin daripada wali dan penjaga. Manakala undang-undang Malaysia tidak mengenakan syarat tersebut walaupun kepada wanita Islam. Jelas bahawa kepentingan dalam melindungi dan memelihara wanita adalah salah satu usaha yang Islam anjurkan untuk memastikan jauh daripada perkara yang mendatangkan keburukan dalam masyarakat.

Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan kepentingan penghayatan yang tinggi terhadap batas aurat dan pergaulan dalam kehidupan masyarakat yang juga menjadi peranan utama dalam usaha menjaga batas antara pergaulan lelaki dan wanita mahupun di antara sesama jantina. Allah SWT telah menetapkan batas-batas yang perlu dalam pergaulan serta perhubungan antara lelaki dengan wanita. Perhubungan antara lelaki dengan wanita yang bercampur dan bergaul mesra dengan bebas adalah dilarang melainkan dengan had dan batasan yang dibenarkan sahaja (JAKIM 2009). Justeru, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat remaja perempuan mengetahui dan mengamalkan batas aurat dan pergaulan menurut Islam dalam usaha meningkatkan pengetahuan amalan Islam yang diamalkan secara berterusan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan. SMK Titingan Tawau Sabah dipilih sebagai lokasi kajian berdasarkan dua perkara iaitu permasalahan aurat dan pergaulan juga sebagai salah satu jalan pendekatan dakwah kepada masyarakat Sabah khususnya remaja di daerah Tawau dalam membantu menyebarkan pengetahuan

Islam. Oleh yang demikian, kajian pengetahuan dan pengamalan batas aurat dan pergaulan dijalankan terhadap remaja perempuan Sekolah Menengah Kebangsaan Titingan Tawau Sabah. Pemilihan sampel kajian mengkhususkan remaja perempuan yang berumur 13, 14 dan 16 tahun. Pelajar yang menduduki peperiksaan PT3, SPM dan STPM tidak dilibatkan dalam sampel kajian sebagaimana syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Sejumlah 152 orang remaja perempuan muslim yang terdiri daripada tingkatan 1, 2 dan 4 SMK Titingan terpilih sebagai responden kajian ini. Pengumpulan data adalah melalui instrumen borang soal selidik dan diproses dalam perisian komputer *Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22*. Penganalisaan data adalah secara analisis statistik deskriptif dalam bentuk kekerapan, peratus dan min.

HASIL DAN PERBINCANGAN

JADUAL 1 Taburan faktor-faktor yang mempengaruhi responden terhadap batas aurat dan pergaulan

Bil.	Item	Peratusan (%)				Min	S.P	Tahap Interpretasi
		STS	TS	S	SS			
FAKTOR KELUARGA								
D1	Ibu bapa/Penjaga saya menyuruh memakai tudung ketika keluar rumah.	0.0	6.6	23.7	69.7	3.63	.606	Tinggi
		0	10	36	106			
D2	Ibu bapa/Penjaga milarang saya memakai pakaian yang ketat ketika keluar rumah.	0.0	3.3	25.7	71.1	3.68	.535	Tinggi
		0	5	39	108			
D3	Ibu bapa milarang saya memakai pakaian yang nipis di hadapan adik-beradik lelaki.	1.3	7.2	48.0	43.4	3.34	.671	Tinggi
		2		11	73	66		
D4	Adik beradik perempuan saya memakai tudung ketika keluar rumah	3.3	12.5	36.2	48.0	3.29	.811	Tinggi
		5	19	55	73			
D5	Adik beradik saya menasihati saya untuk memakai pakaian yang menutup aurat ketika keluar rumah.	2.0	11.2	34.9	52.0	3.37	.761	Tinggi
		3	17	53	79			
D6	Ibu bapa/Penjaga memarahi jika saya dan adik beradik menggunakan bahasa lucah.	0.7	2.6	11.8	84.9	3.81	.498	Tinggi
		1	4	18	129			

D7	Ibu bapa/Penjaga menjaga pergaulan saya dengan kawan lelaki.	0.7 1	4.6 7	32.9 50	61.8 94	3.56 .617	Tinggi
----	--	----------	----------	------------	------------	--------------	--------

JUMLAH KESELURUHAN 3.52 .396 Tinggi

Bil.	Item	Peratusan (%)				Min	S.P	Tahap Interpretasi
		STS	TS	S	SS			

FAKTOR GURU

D8	Guru sekolah tidak membenarkan pelajar perempuan memakai T-shirt berlengan pendek ke sekolah	0.7 1	0.7 1	9.9 15	88.8 135	3.87 .410	Tinggi
D9	Guru sekolah akan mengambil tindakan jika saya tidak memakai tudung ke sekolah.	1.3 2	0.0 0	11.2 17	87.5 133	3.85 .457	Tinggi
D10	Guru sekolah menegur agar saya tidak berdua-duaan dengan kawan lelaki dalam satu bilik.	0.7 1	2.0 3	9.2 14	88.2 134	3.85 .457	Tinggi
D11	Guru sekolah saya mengambil tindakan jika pelajarnya mengeluarkan bahasa lucah.	0.7 1	0.0 0	19.1 29	80.3 122	3.79 .455	Tinggi

JUMLAH KESELURUHAN 3.84 .361 Tinggi

Bil.	Item	Peratusan (%)				Min	S.P	Tahap Interpretasi
		STS	TS	S	SS			

FAKTOR DIRI SENDIRI

D12	Saya takut berdosa jika mendedahkan aurat dengan sengaja.	0.0 0	2.6 4	21.1 32	76.3 116	3.74 .498	Tinggi
D13	Saya takut dimarahi keluarga jika saya tidak menutup aurat.	0.7 1	5.3 8	34.2 52	59.9 91	3.53 .629	Tinggi
D14	Saya malu jika memakai pakaian yang ketat.	0.0 0	2.6 4	27.0 41	70.4 107	3.68 .522	Tinggi
D15	Saya tidak selesa memakai pakaian yang nipis ketika keluar rumah.	0.7 1	2.6 4	23.0 35	73.7 112	3.70 .552	Tinggi
D16	Saya tidak selesa jika tidak memakai tudung ketika keluar rumah.	5.3 8	11.2 17	30.9 47	52.6 80	3.31 .871	Tinggi

D17	Saya tidak selesa memakai seluar yang mendedahkan paha dan betis.	3.3 5	4.6 7	23.0 35	69.1 105	3.58	.733	Tinggi
D18	Saya takut untuk mendedahkan aurat	0.7 1	5.3 8	30.3 46	63.8 97	3.57	.626	Tinggi
D19	Saya malu apabila berdua-duaan dengan lelaki bukan mahram	1.3 2	3.9 6	31.6 48	63.2 96	3.57	.637	Tinggi
D20	Saya takut dimarahi ibu bapa jika berbual mesra dengan kawan lelaki.	1.3 2	9.2 14	26.3 40	63.2 96	3.51	.719	Tinggi
D21	Saya tidak berani berjalan-jalan dengan lelaki yang tidak dikenali.	2.0 3	2.6 4	10.5 16	84.9 129	3.78	.586	Tinggi
D22	Saya tidak suka menggunakan bahasa lucah.	1.3 2	7.2 11	36.8 56	54.6 83	3.45	.689	Tinggi
D23	Saya tidak selesa apabila berdua-duaan dengan kawan lelaki.	1.3 2	7.2 11	27.0 41	64.5 98	3.55	.689	Tinggi
JUMLAH KESELURUHAN						3.58	.394	Tinggi

Bil.	Item	Peratusan (%)				Min	S.P	Tahap Interpretasi
		STS	TS	S	SS			

FAKTOR RAKAN-RAKAN

D24	Kawan saya menegur agar menjaga aurat di hadapannya.	1.3 2	7.9 12	43.4 66	47.4 72	3.37	.687	Tinggi
D25	Kawan mengingatkan saya agar tidak memakai pakaian yang ketat ketika keluar rumah.	3.9 2	7.9 12	39.5 60	48.7 74	3.33	.787	Tinggi
D26	Kawan sentiasa berpesan agar saya memakai tudung ketika keluar rumah.	2.6 4	8.6 13	40.1 61	48.7 74	3.35	.748	Tinggi
D27	Kawan menegur saya agar tidak memakai pakaian yang nipis ketika keluar rumah.	3.9 6	7.2 11	36.2 55	52.6 80	3.37	.787	Tinggi
D28	Kawan saya sentiasa menasihati agar menjaga aurat daripada dilihat lelaki bukan mahram.	3.9 6	4.6 7	30.9 47	60.5 29	3.48	.763	Tinggi
D29	Kawan menegur saya menaiki kereta berdua-duaan dengan kawan lelaki.	9.9 15	11.2 17	32.9 50	46.1 70	3.15	.975	Tinggi

D30	Kawan menasihati saya agar tidak menggunakan bahasa yang lucah.	3.9 6	9.2 7	32.9 47	53.9 92	3.37 .811	Tinggi
D31	Kawan menegur saya agar menjaga pergaulan dengan kawan lelaki.	2.6 4	5.3 8	4.8 62	51.3 78	3.41 .713	Tinggi
D32	Kawan menegur saya agar tidak bersentuhan dengan kawan lelaki	2.6 4	4.6 7	34.9 53	57.9 88	3.48 .709	Tinggi
D33	Kawan menasihati saya agar tidak membongceng motosikal bersama kawan lelaki.	3.3 5	7.2 11	34.2 52	55.3 84	3.41 .767	Tinggi
D34	Kawan menghalang saya keluar berdua-duaan dengan kawan lelaki.	3.9 6	12.5 19	28.9 44	54.6 83	3.34 .847	Tinggi

JUMLAH KESELURUHAN

3.37 .585 Tinggi

Jadual 1 menunjukkan tiga puluh empat (34) item faktor yang mendorong pengetahuan dan pengamalan remaja terhadap batas aurat dan pergaulan menurut Islam dalam kehidupan. Secara keseluruhannya, empat pemboleh ubah yang dibincangkan terhadap faktor yang mendorong adalah keluarga, guru, diri sendiri dan rakan-rakan. Hasil dapatan kajian mendapati tiga puluh empat item tersebut mencapai skor min yang tinggi. Huraian dan perbincangan di analisis berdasarkan jadual 1.

Empat pemboleh ubah dalam kajian ini yang berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi pengetahuan dan pengamalan batas aurat dan pergaulan dalam kehidupan adalah keluarga, guru-guru, diri sendiri dan rakan-rakan. Hasil analisis yang dilakukan adalah seperti berikut:

1. Faktor keluarga

Hasil kajian menunjukkan skor min setiap item adalah tinggi. Ini menunjukkan keluarga mereka memberi pendedahan dan menasihati mereka berkaitan batas aurat dan pergaulan dalam kehidupan. Item-item yang dinyatakan adalah berkaitan dengan saranan memakai tudung ketika keluar rumah, melarang memakai pakaian yang ketat ketika keluar rumah, melarang memakai pakaian yang nipis dihadapan adik beradik lelaki, nasihat daripada adik-beradik, nasihat tidak menggunakan bahasa lucah dan penjagaan ibu bapa tentang pergaulan anak perempuan dan anak lelaki. Item 'Ibu bapa atau penjaga memarahi jika saya dan adik beradik menggunakan bahasa lucah' adalah skor min yang tertinggi iaitu ($\text{min}=3.81$, $\text{sp}=.498$).

2. Faktor Guru

Hasil kajian menunjukkan bahawa skor min setiap item adalah tinggi. Ini menunjukkan guru-guru memainkan peranan ketika berada pada waktu persekolahan dengan memberi pendedahan dan menasihati mereka berkaitan batas aurat dan pergaulan dalam kehidupan. Item-item yang dinyatakan adalah berkaitan dengan larangan terhadap pelajar perempuan memakai t-shirt berlengan pendek ke sekolah, tindakan diambil jika tidak memakai tudung, menegur pelajar agar tidak berdua-duaan dengan lelaki dalam satu bilik dan mengambil tindakan jika pelajar menggunakan bahasa lucah. Item 'Guru sekolah tidak membenarkan pelajar perempuan memakai t-shirt berlengan pendek ke sekolah' adalah skor min yang tertinggi iaitu ($\text{min}=3.87$, $\text{sp}=.410$).

3. Faktor Diri Sendiri

Hasil kajian menunjukkan skor min setiap item juga tinggi. Item-item yang dinyatakan adalah berkaitan perasaan dan keselesaan diri antaranya rasa berdosa, takut, malu, tidak suka dan tidak selesa. Item 'Saya tidak berani berjalan-jalan dengan lelaki yang tidak dikenali' adalah skor min yang tertinggi iaitu ($\text{min}=3.78$, $\text{sp}=.586$). Namun, nasihat kepada remaja perempuan agar berhati-hati dengan lelaki perlu sentiasa diberikan samaada lelaki tersebut dikenali mahupun tidak dikenali.

4. Faktor Rakan-rakan

Manakala, hasil dapatan faktor yang terakhir menunjukkan bahawa skor min setiap item adalah tinggi. Ini menunjukkan persekitaran bersama rakan-rakan mereka juga berperanan dalam memberi nasihat dan teguran sesama mereka. Item-item yang dinyatakan adalah berkaitan dengan teguran menjaga aurat apabila bersama, mengingatkan agar tidak memakai pakaian yang ketat, berpesan agar memakai tudung, menegur agar tidak memakai pakaian nipis ketika keluar rumah, menasihati agar menjaga aurat daripada dilihat lelaki bukan mahram, teguran menaiki kenderaan secara berdua-duaan dengan kawan lelaki, nasihat agar tidak menggunakan bahasa lucah, menegur agar menjaga pergaulan dengan kawan lelaki dan tidak bersentuhan, dan menghalang keluar berdua-duaan dengan kawan lelaki. Item 'Kawan saya sentiasa menasihati agar menjaga aurat daripada dilihat lelaki bukan mahram' dan 'Kawan menegur saya agar tidak bersentuhan dengan kawan lelaki' adalah skor min yang tertinggi iaitu ($\text{min}=3.48$, $\text{sp}=.709$).

Berdasarkan jadual yang diberikan, keputusan nilai skor min keempat-empat boleh ubah menunjukkan faktor guru adalah nilai skor min faktor yang tinggi iaitu ($\text{min}=3.84$, $\text{sp}=.361$). Analisis dapatan kajian terhadap keputusan skor min faktor yang mendorong batas aurat dan pergaulan menunjukkan pada nilai tahap interpretasi yang positif. Sosialisasi dan pendidikan anak yang berkaitan nilai-nilai kebaikan samaada dalam persekitaran keluarga, sekolah mahupun lingkungan

yang lebih luas sangat penting dalam pembentukan keperibadian seorang anak dan nilai-nilai ini merupakan faktor yang mempengaruhi perkembangan anak-anak sebagaimana yang dinyatakan bahawa anak-anak dilahirkan suci dan persekitaran adalah pengaruh yang membawa kepada perkembangan diri (Julianto 2011).

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa daripada keempat-empat faktor yang dibincangkan ini, secara keseluruhannya didapati faktor ibu bapa/penjaga, guru dan rakan adalah tinggi berbanding faktor diri sendiri. Faktor diri sendiri sangat penting untuk memastikan batas aurat dan pergaulan diamalkan sentiasa apabila berhadapan dengan bukan mahram dan menjaga adab dihadapan mahram. Menurut (Zainuddin Sharif & Norasmah Mohd Roslan 2011), faktor diri sendiri adalah faktor yang paling mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial berbanding faktor latar belakang keluarga, bentuk pengaruh rakan sebaya dan permasalahan yang wujud di persekitaran sekolah yang diambil kira. Secara ringkasnya, persekitaran memberi pendekatan dalam membina pengetahuan dan memupuk pengamalan terhadap batas aurat dan pergaulan. Oleh itu, tindakan perlulah diteruskan bagi memupuk amalan Islam dan membantu menerapkan prinsip dalam kehidupan remaja khususnya yang bermasalah.

KESIMPULAN

Pengetahuan batas aurat dan pergaulan merupakan satu keperluan dalam kehidupan sosial. Ini kerana pergaulan di antara lelaki dan wanita memerlukan satu batas sebagai satu jalan perlindungan dan mengelakkan daripada berlakunya perkara yang melampaui batas seperti zina, mengandung anak luar nikah, membunuh anak luar nikah, bercerai suami isteri kerana curang, dan perkara-perkara yang mencambahkan dosa. Fitrahnya, wanita mengandung dan melahirkan zuriat dan ini merupakan salah satu pendekatan yang baik kepada wanita. Penjagaan batas ini menjadi satu keperluan agar tidak menggadai diri dengan memberi ruang kepada kaum lelaki untuk menyentuh peribadi individu wanita secara sewenang-wenangnya tanpa ada ikatan perkahwinan yang sah. Selain itu, batas perhiasan pula memberi panduan kepada wanita agar tidak keterlaluan serta mengamalkan sikap bersederhana seperti yang dianjurkan oleh Islam. Hal ini juga dapat membantu agar tidak mencabar fitrah kaum lelaki apabila berhadapan dengan kaum wanita serta mengelakkan daripada gangguan daripada golongan yang bermasalah. Batas aurat dan pergaulan adalah sebagai panduan dalam kehidupan terutamanya apabila turun dalam lapangan masyarakat. Islam meletakkan prinsip dan kaedah-kaedah asas dari sudut sosial dan adab agar setiap tindakan membawa kesejahteraan umatnya dengan mendedahkan panduan melalui pandangan syarak dalam kehidupan termasuklah dalam penjagaan aurat dan pergaulan.

Tambahan daripada itu, penghayatan juga penting bagi memastikan pengalaman diri setiap individu dilaksanakan berpaksikan tuntutan Islam bukan kerana ikutan semata. Cabaran kehidupan masa kini sangat menyarankan agar remaja memahami Islam dengan baik untuk dijadikan panduan dalam kehidupan. Oleh itu, diharap pihak yang bertanggungjawab mengadakan program-program pendedahan berkaitan kesedaran masyarakat khususnya remaja perempuan tentang kepentingan menjaga aurat dan pergaulan dalam kehidupan sebagai usaha membina keperibadian remaja yang cemerlang akademik, akhlak dan peribadi muslim.

RUJUKAN

- Abu A'la Maududi 1985. *Sikap Islam Terhadap Pakaian*. Terj. Mat Saad Abd Rahman. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Afzalur Rahman. 1994. *Ensiklopedia Sirah. Peranan Wanita Islam*. Jilid V. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amaludin Ab. Rahman. 2005. *Keperluan Perlaksanaan Kaunseling Islam dalam Menangani Masalah Sosial di Kalangan Remaja: Satu Kajian Kes di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia*. Bangi Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asjad Mohamed. 2003. *Sadd al-Dhara'i Terhadap Jenayah Zina dalam Syariat Islam*. Bangi Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azzyati Mohd Nazim. 2014. *Peranan NGO Wanita Islam dalam Menangani Remaja Berisiko di Kuala Terengganu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Crow, S. M., Hartmen, S. J., Hammond, D. & Fok, L.Y. 1995. *The Impact of Personality Factors on Sexual and Non-Sexual Harassment Sensitivity*. New Orleans: University of New Orleans.
- Fatimah Haji Omar. 2010. *Bimbangan Untuk Wanita: Hukum Aurat dan Hijab*. Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- Gruber, J.E & Bjorn, L. 1982. Blue-collar clues: The sexual harassment of women autoworker. *Work and Occupations* 9: 271-295.
- Harian Metro. 2015. Statistik moral remaja kita. <https://www.hmetro.com.my/node/36116> [11 Mac 2015].
- Hashim @ Fauzi Mat Rani. 2002. *Perlakuan Rogol dan Zina dari Segi Sosiologi dan Psikologi, Bagaimana Islam Menanganinya, Satu Kajian di Penjara Kajang*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2009. *Pengkid*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Jawiah Dakir. 2000. *Pakaian dan Perhiasan Wanita mengikut Perspektif Islam*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd.
- Johari Hj Alias. 1995. *Perkara-perkara Asas Fardhu Ain*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Julianto. 2011. Peranan keluarga dalam pendidikan karakter anak pada era globalisasi. *Psikologi pendidikan*: 31-38.
- Mohd Reduan Aslie. 1990. *Jenayah di Malaysia: Aliran Punca Penyelesaian*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn Bhd.
- Mohd Yusof Hj Othman. 2008. Gagasan pendekatan Islam hadhari untuk realiti masyarakat kini. *Jurnal Hadhari*: 29-52.
- Mona Amin Kalhor. 2000. Impact of sexual harassment of women in work place: Self-Esteem as a resilience factor in coping and responding. Phd Dissertation, Carlos Albizu University, Miami, Forida.
- Noor Ashikin Hamid, Fachri Bey Jamaris, Shariffah Nuridah Syed Nong Mohamad & Mursidin. 2013. *Kesalahan Khalwat dalam kalangan remaja di Malaysia: Kajian perbandingan dengan Aceh, Indonesia*. International seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC): 634-653.
- Nur Syahidah Abdul Jalil. 2012. *Menangani Zina dan Pembuangan Bayi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Paizah Ismail. 2004. Aurat wanita: Konsep dan hukum mengenainya. *Jurnal Syariah* 12(1): 21-42.
- Qutb Sayyid. 2000. *Tafsīr fi Zilal al-Qur'an*. Terj. Yusoff Zaky Yacob. Kota Bharu. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Sitti Nor Azizah Talata & Monica Gidong. 2014. Kes remaja hamil luar nikah membimbangkan. Sabah: www.sayangsabah.com [11 Mac 2015].
- Sofiah Samsudin & Maziah Mahmud. 2013. Ikhtilat dan Tabarruj: Kajian terhadap prinsip dan disiplin surah Al Nur dan Al Ahzab. *Quran Melonjak Transformasi Ummah*: 371-379.
- Syarifah Khadijah Syed Abu Bakar. 2002. *Kedudukan Wanita Menurut Fiqh dan Undang-undang Malaysia*. Bangi Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ummi Ridha Abu Bakar. 2005. *Jenayah Rogol Terhadap Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam dan Undang-undang Ciptaan: Kajian Kes dari Tahun 2000 hingga 2004 di Malaysia*. Bangi Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainudin Sharif & Norazmah Mohammad Roslan. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh Melaka. *Journal of Education Psychology and Counseling*: 115-140.

Zaiton Nasir. 1990. Ancaman seks di pejabat. Dewan Masyarakat 7 (12): 38.